

Research Article

Kesan daripada Pandemik: Murid Hilang Rasa Hormat Terhadap Guru

Salwa Syazwani Rustim¹, Winnie Tiong Wei Nie¹, Abby Earlynnda Ejaipi¹, Nur Izazi Adilah Mohd Khairil Azma Panjabi¹, Muhammad Shakir Zufayri Hussin², Umairah Ismail², Sarah Najwa Husaini², Mohd Razimi Husin³

¹ Bimbingan dan Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

² Pendidikan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

³ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

Article History

Received:

11.07.2022

Revised:

01.08.2022

Accepted:

06.08.2022

*Corresponding Author:

Mohd Razimi Husin

Email:

razimi@fpm.upsi.edu.my

This is an open access article,
licensed under: [CC-BY-SA](#)



Abstrak: Pandemik Covid-19 membawa perubahan dalam dunia pendidikan. Murid-murid yang bervariasi latar belakang kehidupan ikut merasai perubahan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang membawa kesan kepada tingkah laku murid sama ada yang positif mahupun negatif. Pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh banyak pihak terutama guru dalam membentuk nilai murni dalam kalangan remaja khususnya insan yang bergelar murid. Susulan daripada pandemik ini, perspektif murid dan tingkah laku mereka terhadap guru turut berkurang akibat daripada kesan norma baharu. Kajian ini mengkaji kesan daripada pandemik terutamanya murid hilang rasa hormat terhadap guru.

Kata Kunci: Pengajaran dan Pembelajaran, Pengurusan Tingkah Laku dan Disiplin, SWOT.

Impact of the Pandemic: Students Lose Respect for Teachers

Abstract: The Covid-19 pandemic brought changes in the world of education. Pupils with varied backgrounds experience changes in the teaching and learning process (PdP) which has an impact on pupils' behavior whether positive or negative. Various problems and challenges faced by many parties, especially teachers, in forming good values among teenagers, especially people who hold the title of student. Following this pandemic, students' perspectives and their behavior towards teachers also decreased as a result of the impact of the new norms. This study examines the effects of the pandemic, especially students losing respect for teachers.

Keywords: Behavior Management and Discipline, SWOT, Teaching and Learning.



1. Pengenalan

Pandemik Covid-19 membawa banyak perubahan dalam kehidupan semua individu termasuklah dalam dunia pendidikan iaitu bermula daripada sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Institusi pendidikan Malaysia dituntut untuk mengikuti perubahan sistem pembelajaran sebagai impak daripada pandemik Covid-19 ini. Murid-murid yang bervariasi latar belakang kehidupan, sama ada yang tinggal di kampung mahupun di bandar ikut merasai perubahan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang ditetapkan oleh kementerian pendidikan yang membawa kesan kepada tingkah laku murid sama ada yang positif mahupun negatif. Perkara ini telah memberi perubahan yang besar dari pelbagai aspek terhadap diri murid itu sendiri, seperti perubahan keadaan sekeliling, pergaulan sosial, komunikasi dan interaksi sesama guru serta rakan yang sepatutnya dirasai ketika sesi persekolahan. Secara tidak langsung, hal ini sedikit sebanyak merubah personaliti atau tingkah laku murid ke arah yang tidak sepatutnya.

Guru merupakan insan yang bertanggungjawab dalam memberikan ilmu dan merupakan ibu bapa kedua bagi anak-anak di sekolah. Jurang batasan antara guru dan murid perlulah sentiasa diperhatikan oleh setiap murid agar tidak menyinggung perasaan guru dalam semua aspek. Masa selang berganti, terkesan dunia ekor pandemik covid-19 meningkatkan cabaran dan dugaan seorang warga pendidik dalam menerusi tanggungjawab hakiki. Menurut Puteh et al. [1], “justeru, pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh banyak pihak terutama guru dalam membentuk nilai murni dalam kalangan remaja khususnya insan yang bergelar murid” (ms. 2). Susulan daripada pandemik ini, perspektif murid dan tingkah laku mereka terhadap guru turut berkurang akibat daripada kesan norma baharu.

Hilang rasa hormat kepada guru merupakan salah satu tindakan bagi murid yang mempunyai masalah tingkah laku. Definisi tingkah laku adalah apa yang dilakukan atau diperkatakan oleh seseorang individu. Menurut Latif et al. [2], “kebiasaan tingkah laku murid merupakan tindak balas daripada rangsangan stimulus dari dalaman mahupun luaran yang berupaya merangsang murid daripada melakukan sesuatu perlakuan hingga memberi kesan kepada persekitaran mereka” Hal ini secara tidak langsung boleh mengganggu sesi pembelajaran yang sedang berlangsung dan menjadikan suasana persekitaran yang tidak selesa antara guru dan murid. Dalam konteks pendidikan, masalah tingkah laku merujuk kepada sebarang bentuk tingkah laku murid yang boleh mengganggu kelancaran dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah [2].

Terdapat pelbagai kaum murid dalam mengekspresikan tingkah laku tidak hormat mereka kepada guru mahupun di dalam kelas atau di luar kelas. Masalah tingkah laku ini merupakan tingkah laku yang tidak normal. Ia boleh ditakrifkan terkeluar dari nilai dan norma sosial masyarakat, termasuk sekolah. Konsepnya bertentangan dengan tingkah laku normal yang lazimnya dirasai, dilakukan dan dialami oleh kebanyakan orang dalam masyarakat. Secara realitinya, tingkah laku bermasalah yang timbul adalah kerana kekurangan keupayaan individu dalam proses adaptasi atau pun akomodasi apabila menghadapi perubahan situasi dalam alam persekitaran yang baru. Akibatnya, ia mengganggu emosi dan aktiviti kehidupan murid yang terlibat dan seterusnya membentuk perasaan tidak hormat dalam diri mereka. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji dengan lebih mendalam dan terperinci tentang isu adab dan hormat murid terhadap guru di sekolah yang terlibat.

2. Teori Yang Berkaitan

2.1. Teori Pembelajaran Sosial

Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura) didefinisikan sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain, melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku [3]. Ini bererti persekitaran dan juga orang-orang yang signifikan akan mempengaruhi tingkah laku. Albert Bandura juga menyatakan seseorang individu akan memerhatikan sesuatu tingkah laku daripada orang lain yang signifikan dengannya dan menyimpan maklumat yang diperhatikan secara kognitif dan seterusnya mempersembahkan tingkah laku tersebut. Justeru itu, masalah tingkah laku dimuridi daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga, rakan sebaya, media massa dan konsep sendiri individu.

Sebagai pemodelan, terhasil apabila anak-anak memerhatikan tingkah laku orang lain atau ahli keluarga mereka sepanjang berada di rumah dan mencatatkan konsekuensi tingkah laku tersebut. Kebanyakannya daripada segi pola percakapan, gaya pakaian, tingkah laku negatif dan agresif dan pelbagai tingkah laku dimuridi melalui pemodelan. Golongan remaja atau murid ini, biasanya menjadikan ibu bapa, pelakon filem, ahli sukan, guru dan seumpamanya sebagai model yang menjadi ikutan. Ini menjelaskan kepada kita mengapa tingkah laku berbeza-beza mengikut individu itu sendiri.

Menurut Albert Bandura, menganggap pemodelan merupakan demonstrasi yang penting tentang peranan kognitif dalam pembelajaran. Namun, tidak semestinya semua tingkah laku model ditiru. Anak-anak cenderung meniru tingkah laku yang diberikan peneguhan positif berbanding dengan tingkah laku yang diberikan hukuman. Sementara itu, sekiranya tidak diketahui peneguhan dan hukuman yang diperolehi, anak-anak atau remaja cenderung meniru tingkah laku model yang berstatus tinggi, menarik, disukai, dan berjaya atau malahan mereka mengandaikan bahawa tingkah laku mereka itu sering membawa kepada peneguhan. Oleh itu, perkara ini membuktikan bahawa seorang guru haruslah menunjukkan sikap yang baik, positif dan penyayang bagi mendapatkan kepercayaan dan rasa hormat murid kepada mereka. Disamping itu, setiap hukuman tidak perlulah berbentuk kekerasan bahkan guru-guru dapat memberikan teguran atau nasihat sebagai satu lonjakan semangat mereka.

2.2. Teori Ibn Jama'ah

Ibn Jama'ah telah menggariskan lapan adab berguru dalam karya pendidikan pertama beliau. Penampilan diri yang kemas dan bersesuaian dengan majlis ilmu merupakan adab pertama yang digariskan oleh Ibn Jama'ah [4]. Menurut Ibn Jama'ah, "adalah sewajarnya untuk mendatangi guru dengan penampilan yang bagus, badan yang bersih dan pakaian yang kemas." Selain itu, murid perlu sentiasa mementingkan dan menepati masa. Ibn Jama'ah menegaskan bahawa "di antara adab dengan guru, hendaklah para murid menunggunya dan bukan dia (guru) yang menunggu mereka." Adab murid terhadap guru yang ketiga ialah menumpukan sepenuh perhatian terhadap guru sepertimana gesaan Ibn Jama'ah: "hendaklah duduk di hadapan guru dengan sopan sebagaimana anak-anak duduk di depan pengajar al-Qur'an iaitu duduk menundukkan diri dengan tawadhuk. Tenang dan khusyuk, memandang kepadanya (guru) dan berkonsentrasi penuh padanya." Mengikut kenyataan beliau, "hendaklah tetap mengikuti halaqah guru kerana hal itu menambah kebaikan, ilmu, adab dan kemuliaan baginya", murid harus memberikan tindak balas yang sewajarnya terhadap guru.

Bukan itu sahaja, murid juga tidak seharusnya mempunyai sifat malu bertanya kerana sifat itu akan menghalang murid daripada memperoleh ilmu. Murid juga tidak sewajarnya melakukan urusan lain sewaktu guru berkongsi ilmu seperti bersembang, bergurau senda, makan dan seangkatan dengannya. Ungkapan Ibn Jama'ah, "jika guru mengajarkan sesuatu, sedangkan dia telah mengetahuinya sebelum ini, hendaklah dia tidak memperlihatkan bahawa dia telah mengetahuinya sebelum ini (lupa tentangnya)" telah mengajar murid agar tidak meremehkan pengajaran guru. Akhir sekali, Ibn Jama'ah turut menggariskan adab berterima kasih dan mendoakan guru setelah tamatnya sesi pembelajaran dengan menyebut, "berterima kasih kerana ia lebih menyenangkan hati guru dan lebih memberi inspirasi kepadanya untuk memberi perhatian yang lebih untuk kemaslahatan murid (pada masa akan datang)."

2.3. Teori Pembelajaran Behaviorisme

Menurut Eggen & Kauchak [5], teori pembelajaran behaviorisme ini menjelaskan pembelajaran dari aspek tingkah laku yang dapat diperhatikan dan bagaimana ransangan dari persekitaran mempengaruhi tingkah laku tersebut. Teori ini memberi penekanan kepada tingkah laku yang dapat diperhatikan. Teori pembelajaran behaviorisme yang diperkenalkan oleh Ivan Pavlov dan dikembangkan oleh Thorndike dan Skinner. Pembelajaran merupakan perubahan berterusan dalam tingkah laku yang dapat dilihat dan terhasil daripada pengalaman yang dialami oleh seseorang individu [6]. Teori ini mengandungi dua lagi subteori iaitu teori pelaziman klastik dan teori palaziman operan.

Menurut Eggen dan Kauchak [5], teori pelaziman klasik ini merupakan teori pembelajaran yang memberi fokus kepada tindak balas emosi dan fisiologi yang tidak disengajakan (involuntary response) serta berlaku secara refleksif terhadap ransangan persekitaran. Teori ini mengandungi beberapa konsep. Antaranya ialah konsep Ransangan Tidak Lazim (RTT), Tindak Balas Tidak Terlazim (TTT), Ransangan Neutral (RN), Ransangan Terlazim (RT) dan Tindak Balas Terlazim (TT). Pembelajaran pelaziman klasik ini dikatakan berlaku apabila tidak balas terlazim ditunjukkan setelah ransangan neutral dikaitkan dengan ransangan tidak terlazim secara berulang. Bagi membentuk hubungan yang saling berkaitan, ransangan neutral dan ransangan tidak terlazim perlu diberikan serentak secara berulang-ulang, dimana ransangan neutral perlu mendahului ransangan tidak terlazim.

Bagi teori pelaziman operan pula berfokus kepada perubahan tingkah laku sebagai tindak balas kepada kesan yang diperolehi daripada penghasilan tingkah laku tersebut. Teori ini menekankan dua

konsep utama iaitu peneguhan dan hukuman. Peneguhan merujuk kepada peristiwa-peristiwa yang meningkatkan kebarangkalian bahawa sesuatu tingkah laku berkemungkinan diulangi. Hukuman pula merujuk kepada peristiwa-peristiwa yang mengurangkan kebarangkalian bahawa sesuatu tingkah laku akan diulangi. Peneguhan dan hukuman ini terbahagi kepada aspek positif dan juga negatif.

Pavlov, Thorndike dan Skinner menumpukan ujian kepada perhubungan antara rangsangan dan tindak balas yang menghasilkan perubahan tingkah laku. Ujian tersebut merupakan suatu usaha dalam mengubah tingkah laku seseorang agar menjadi lebih baik atau ke arah yang positif. Perubahan sedemikianlah yang dikatakan sebagai pembelajaran. Pendek kata, teori pembelajaran behaviorisme ini akan mempengaruhi tingkah laku para murid ke arah baik atau sebaliknya serta dapat memerhatikan dan menjangkakan tingkah laku seseorang murid sama ada ke arah yang positif atau negatif. Dapat disimpulkan bahwa teori pembelajaran behaviorisme ini mengemukakan serta menjelaskan strategi bagi menangani masalah tingkah laku murid seperti dari aspek adab murid terhadap guru mereka.

2.4. Teori Perkembangan Moral Kohlberg

Teori perkembangan moral diasaskan oleh Lawrence Kohlberg. Beliau merupakan ahli Psikologi Perkembangan dan meneruskan kerjaya dalam bidang pendidikan di Universiti Harvard sebagai seorang professor pendidikan dan psikologi social [7]. Teori ini berfokus kepada peringkat-peringkat perkembangan moral dalam diri setiap individu dan beliau menekankan bahawa individu berbeza dalam membuat penaaakulan tentang pendedahan dan perkembangan moral masing-masing. Menurut Kohlberg, pada tahap perkembangan tertentu, kanak-kanak akan memmuridi apa yang betul dan yang salah. Mereka juga mempraktikkan kebaikan, kejujuran, kesetiaan, kepatuhan dan sebagainya walaupun mereka tidak mengetahui maksud moral yang sebenar.

Terdapat tiga tahap dan enam peringkat perkembangan moral yang dikemukakan oleh Kohlberg. Tahap pertama ialah Tahap Pra-Konvensional yang mempunyai dua peringkat iaitu peringkat orientasi kepatuhan dan hukuman serta peringkat orientasi jangkaan individu. Tahap seterusnya ialah Tahap Konvensional yang juga mempunyai dua peringkat iaitu peringkat orientasi perlakuan baik dan peringkat akur kepada sistem sosial dan etika peraturan. Tahap terakhir adalah Tahap Pos-Konvensional yang turut mempunyai dua peringkat iaitu peringkat etika kontrak sosial dan hak individu dan peringkat etika prinsip sejagat.

Semasa meningkat remaja, individu akan mengalami perubahan yang amat pesat sekali sama ada dari segi fizikal, emosi mahu pun sosial dan terdedah kepada persekitaran luar rumah serta cenderung dimuridi [8]. Tidak semua perkara dimuridi daripada ibu bapa tetapi juga daripada persekitaran sosial di mana mereka membesar dan pada masa inilah mereka mula mengubah tingkah laku, sikap dan nilai cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih dewasa atau matang. Oleh yang demikian, peranan pihak sekolah terutamanya guru adalah berkesan dalam menangani masalah disiplin murid kerana murid menerima pendidikan secara formal dan sistematik dalam membentuk tingkah laku yang sempurna. Guru khususnya mempunyai peranan yang penting dan mempunyai pengaruh yang besar dalam menerapkan nilai-nilai murni kerana di sekolah murid dididik supaya berakhlak, bermoral dan mengamalkan budaya hidup yang murni [9] [10]. Apabila seseorang murid ingin menjelaskan mengapa dia terlibat dalam suatu masalah tingkah laku, guru sepatutnya lebih fokus dan memahami cara berfikir dan proses mental murid tersebut ketika memberikan penjelasannya. Guru tidak memberi penekanan kepada murid untuk mempraktikkan cara berfikir seperti orang dewasa. Guru boleh menggunakan konsep 'buat dan balasan' iaitu suatu konsep di mana sekiranya murid tidak melanggar peraturan, maka guru tidak akan mendenda murid sebagai balasan tetapi sekiranya murid melanggar peraturan, guru akan mendenda murid sebagai balasan. Kebanyakan guru akan mengenakan denda secara langsung sekiranya murid mempamerkan sesuatu yang bertentangan atau melaku kesalahan. Untuk jangka masa yang panjang, denda tidak akan memberikan kesan terhadap murid tersebut dan hanya akan membawa kepada dendam, tidak puas hati dan pemberontakan kerana dalam jangka masa yang pendek, murid terpaksa mengubah tingkah laku kerana mereka merasa malu, takut dan tidak mahu menanggung kesakitan. Modifikasi tingkah laku ini merupakan satu cara mengurus tingkah laku yang berkesan. Berdasarkan temu bual yang dijalankan kepada cikgu Mariam, Cikgu Mariam juga menjelaskan perkara yang sama dimana murid yang melakukan kesalahan tingkah laku, guru tidak sepatutnya terus mengambil tindakan dengan cara menghukum murid secara langsung. Murid haruslah diberikan teguran terlebih dahulu dengan tegas. Sekiranya memerlukan hukuman, hukuman yang guru berikan haruslah bersesuaian, beretika, berbentuk kemasyarakatan dan hukuman yang mendidik mereka.

2.5. Teori Psikoanalitik

Teori psikoanalitik adalah merupakan pendekatan yang mula-mula muncul dalam tiga pendekatan psikologi yang utama. Dua pendekatan yang lain ialah pendekatan tingkah laku dan pendekatan kemanusiaan (humanistik). Pada sudut pandangan falsafah, pendekatan ini telah mengemukakan konsep kegirangan. Freud menyatakan bahawa seseorang individu normal adalah mereka yang dapat menikmati kehidupannya dengan kasih sayang dan bekerja. Konsep kegirangan yang dikemukakan oleh Freud ini dapat di huraikan lagi dimana terdapat aspek-aspek lain bagi memperoleh keseronokan, menghapuskan perasaan negatif, melahirkan perasaan positif, mendapat identiti diri dan masyarakat, mencari pengertian tentang perasaan dalam keluarga dan kepuasan bekerja [9].

Dari sudut pandangan yang lain, psikonanalitik telah memberi penekanan pada bahagian tidak sedar, peranan naluri, peranan asas keluarga, tekanan-tekanan dinamik, dan pembentukan personaliti. Pendekatan ini juga telah memberi perhatian kepada proses-proses dalaman individu, tingkah laku luaran, pengalaman masa lampau dan kini, dan keadaan sosial seseorang [11].

Pada umumnya pendekatan psikoanalitik melihat manusia itu sebagai individu yang telah ditentukan masa depannya. Kenyataan ini telah disokong oleh beberapa orang tokoh terkenal. Di antaranya, pendekatan ini telah meletakkan manusia itu lahir bersama-sama dengan naluri-naluri kebinatangan yang bersifat jahat. Kehidupannya telah ditentukan dari sejak awal lag ioleh naluri-naluri tersebut [12]. Naluri ini akan mempengaruhi tingkah laku yang tidak logik dan tidak rasional. Keadaan semulajadi manusia boleh diterangkan dalam terma-terma minda yang sedar, pra sedar, dan tidak sedar. Pendekatan ini menunjukkan bahawa semua personaliti dewasa manusia dibentuk dari semenjak dilahirkan hingga ke umur lima tahun.

Freud telah menegaskan bahawa manusia dilahirkan dengan dorongan naluri dalaman yang bersifat biologi atau kebinatangan. Naluri ini telah dibahagikan kepadadua bahagian iaitu naluri seksual atau eros (naluri hidup) dan naluri pembinaan atau thanatos (naluri mati). Semua kuasa naluri telah disimpan dalam tenaga yang tidak bertambah. Tenaga ini akan wujud dalam bentuk yang dikenali sebagai tenaga psikik dan tenaga determinisme psikik. Tenaga ini juga merupakan kuasa penggerak kepada segala perilaku manusia dan mempunyai hubungan dengan naluri seksual dan libido. Tenaga determinisme psikik merupakan tenaga penyebab yang mengakibatkan tingkah laku fizikal dan mental manusia.

2.6. Teori Fungsionalisme

Teori fungsionalisme memberi huraian mengenai organisasi sosial dan menerangkan bagaimana sesuatu organisasi dikekalkan. Masyarakat telah diibaratkan sama seperti organisma yang mempunyai bahagian-bahagian dan setiap bahagian masyarakat dikenali sebagai struktur.

Menurut teori ini, struktur-struktur sosial akan menentukan kelancaran perjalanan atau keharmonian masyarakat. Ada tiga andaian utama ahli-ahli fungsionalisme iaitu stabiliti, harmoni dan evolusi [13]. Stabiliti merupakan kriteria penilaian utama untuk menentukan sejauh mana sesebuah masyarakat dapat dikekalkan [14]. Harmoni menunjukkan bagaimana semua bahagian atau struktur-struktur dalam masyarakat bekerjasama untuk mencapai tujuannya [15]. Evolusi pula menggambarkan perubahan-perubahan yang berlaku kepada masyarakat melalui proses adaptasi struktur sosial kepada pembaruan. Maka, tidak dapat dinafikan lagi bahawa ibu bapa, pihak sekolah, rakan sebaya dan media massa saling berperanan dalam mengatasi masalah disiplin yang wujud di kalangan remaja terutama kepada mereka yang bergelar murid.

Tambahan lagi, teori ini mengkaji fungsi perlakuan sosial atau institusi dalam kegiatan-kegiatan yang menyumbang kepada penerusan masyarakat. Masyarakat sebagai tubuh badan manusia yang mempunyai bahagian dan fungsinya yang tersendiri. Ianya boleh di huraikan sebagai suatu organisasi sosial dan bagaimana organisasi itu dikekalkan. Kajian dilakukan untuk meninjau sejauh mana struktur masyarakat berfungsi. Sosial akan menentukan kelancaran perjalanan atau keharmonian masyarakat. Brinkerhoff dan White [16] merumuskan tiga andaian utama ahli-ahli fungsionalisme iaitu stabiliti, harmoni dan evolusi. Stabiliti menentukan setakat mana sesuatu masyarakat itu dapat dipertahankan. Harmoni pula merujuk kepada semangat kerjasama dalam masyarakat untuk mencapai sesuatu matlamat. Evolusi pula digambarkan bagaimana perubahan berlaku terhadap masyarakat akibat dari pembaharuan. Selanjutnya, teori ini juga turut menekankan kepentingan persefahaman anggota masyarakat demi keharmonian dan kestabilan masyarakat berkenaan.

Sebagai rumusannya, teori fungsionalisme boleh digunakan untuk mengenalpasti punca masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan murid, mengenal pasti pengaruh rakan sebaya terhadap

berlakunya masalah disiplin serta mengetahui pengaruh guru terhadap berlakunya masalah disiplin dalam kalangan murid agar langkah yang sewajarnya boleh diambil bagi mengatasi masalah disiplin seperti tidak menghormati guru daripada terus menular dalam kalangan murid sekolah.

2.7. Teori Humanisme

Teori humanisme diasaskan oleh dua orang tokoh iaitu Carl Rogers dan Abraham Harold Maslow. Teori ini mementingkan perkembangan dalam pembangunan sosial dan emosi individu [12]. Dimana Carl Rogers menyatakan bahawa setiap individu mempunyai cara belajar yang berbeza. Beliau juga berpendapat bahawa manusia pada dasarnya adalah individu yang dan sekiranya dijurus ke arah yang betul, maka akan berkembang dengan lebih positif. Perkembangan seseorang juga banyak dipengaruhi oleh persekitarannya. Hal ini disebabkan oleh keinginan seseorang individu untuk belajar mendorong seseorang untuk lebih mudah membentuk konsep sendiri melalui persekitaran mereka. Maka, murid-murid akan lebih mudah terpengaruh dengan apa yang dilihatnya seperti kelakuan ibu bapa mereka sendiri dan juga guru-guru mereka. Kecenderungan minat yang ditunjukkan oleh seseorang juga mempengaruhi perkembangan dan pembelajaran seseorang. Misalnya, murid akan menjadi lebih semangat dan menumpukan perhatian sekiranya apa yang dimuridi selaras dengan minatnya. Jadi guru seharusnya menggunakan kaedah pembelajaran yang menarik bagi memastikan murid sentiasa fokus di dalam kelas dan sewaktu pembelajaran.

Rogers juga mengkategorikan pembelajaran kepada dua jenis iaitu pembelajaran kognitif yang dianggap kurang bermakna [12]. Hal ini kerana ia hanya melibatkan pembelajaran dalam bidang akademik sahaja di mana ia melibatkan proses belajar di dalam bilik darjah, membaca dan seangkatan dengannya. Seseorang murid tidak menunjukkan minat yang tinggi dalam pembelajaran yang hanya dilakukan di dalam bilik darjah sahaja kerana ia dianggap bosan dan tidak seronok. Maka, bagi mengelakkan murid melakukan perkara lain semasa sesi pembelajaran seperti tidur dan bersembang yang menyebabkan murid tidak menghormati guru semasa kelas ialah dengan guru memeriahkan sesi pembelajaran tersebut. Sebagai contoh, guru boleh melakukan aktiviti yang melibatkan pergerakan agar murid sentiasa kekal aktif di dalam kelas. Seterusnya, Rogers juga menyatakan pembelajaran pengalaman yang melibatkan pengalaman dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Pembelajaran seperti ini mempunyai kesan jangka panjang kerana ia melibatkan perkembangan diri, motivasi, daya usaha dan penilaian sendiri. Pembelajaran ini sangat selaras dengan perkembangan tingkah laku yang dipengaruhi oleh persekitaran. Misalnya, murid melihat tingkah laku individu sekeliling dan mengaplikasikan ia di dalam kehidupan seharian. Murid juga akan mudah terpengaruh dengan kelakuan rakan sebaya mereka menyebabkan mereka lebih mudah mengikuti tingkah laku mereka. Maka pemilihan rakan sebaya amatlah penting dan haruslah dipantau oleh ibu bapa supaya murid tidak melakukan perkara yang negatif.

Secara keseluruhannya, teori ini menekankan bahawa interaksi antara murid dan individu sekeliling sangat memainkan peranan dalam perkembangan mereka terutama guru dan juga ibu bapa. Guru haruslah memantau tingkah laku murid di dalam kelas dengan lebih peka selain menggunakan kaedah pengajaran yang menarik bagi memastikan murid sentiasa fokus di dalam kelas. Tidak lupa juga dengan ibu bapa yang sangat mempunyai peranan yang besar dalam perkembangan anak mereka untuk terus menunjukkan sikap yang positif supaya mereka dapat mengaplikasikan dalam kehidupan seharian.

3. Kaedah Kajian

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dan menggunakan kajian kualitatif berdasarkan soal selidik yang disediakan. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti masalah tingkah laku di Sekolah dan mengkaji punca dan langkah mengatasi dalam membendung masalah murid hilang rasa hormat terhadap guru-guru Sekolah.

3.1. Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah kaedah kajian kualitatif. Kajian kualitatif bermaksud satu kajian penyelidikan di mana pengkaji bergantung kepada pandangan peserta, menanyakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks daripada peserta, menjelaskan dan menganalisa perkataan-perkataan tersebut dalam bentuk tema-tema serta menjalankan inkuiri dalam bentuk yang subjektif dan bias. Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data ialah dengan perbincangan kumpulan, kaedah temu bual dan kaedah rujukan internet.

3.2. Cara Mendapatkan Responden

Pengkaji memilih responden secara sampel bertujuan

3.3. Kaedah Perbincangan

Pengkaji menetapkan untuk menemu bual seorang guru yang berpengalaman lebih dari 15 tahun dalam kerjaya sebagai seorang guru. Aplikasi yang digunakan untuk menemu bual guru tersebut adalah secara atas talian iaitu aplikasi 'Google Meet' disebabkan kekangan masa dan perkara-perkara lain.

Responden dipilih untuk memenuhi kehendak tajuk iaitu masalah murid hilang hormat terhadap guru yang berpengalaman selama 24 tahun. Responden yang dipilih dalam kajian ini adalah seorang guru bernama Puan Mariam binti Untong selaku guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Patiambun Limbang, Sarawak.

Dalam temu bual yang dilakukan, pengkaji telah menyediakan beberapa soalan yang berkaitan dengan masalah murid hilang hormat terhadap guru yang berlaku di sekolah. Antara soalan yang dikemukakan adalah seperti pada Jadual 1.

Jadual 1. Soalan Kepada Responden

Bil.	Soalan
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan hormat terhadap guru?
2.	Bagaimanakah rasa hormat terhadap guru itu, ditunjukkan oleh murid di sekolah?
3.	Sepanjang musim pandemik Covid-19, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) terpaksa dijalankan secara atas talian. Apakah masalah yang cikgu hadapi sepanjang proses PdP itu berlangsung dari aspek adab murid terhadap guru?
4.	Pada pandangan cikgu, apakah punca murid-murid berkelakuan tidak bermoral seperti yang dinyatakan oleh cikgu sebentar tadi?
5.	Adakah masalah itu berlarutan sehingga sekarang walaupun proses PdP telah dijalankan di sekolah seperti bersemuka?
6.	Apakah perbezaan yang ketara bagi murid kelas belakang dengan murid kelas hadapan dari segi kehormatan terhadap guru?
7.	Dari segi pengalaman cikgu selama mengajar di sekolah ini, bagaimanakah cara yang berkesan untuk guru dihormati oleh muridnya sendiri?
8.	Nyatakan tindakan atau hukuman yang akan dikenakan sekiranya murid tidak menunjukkan rasa hormat terhadap guru?
9.	Bagi pandangan cikgu sendiri, proses PdP yang mana lebih selesa dan mudah, sama ada atas talian ataupun bersemuka?
10.	Secara ringkas, apakah nasihat atau teguran yang boleh cikgu berikan kepada murid-murid tentang permasalahan ini?

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1. Dapatan Kajian

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian dengan menganalisis hasil temubual bersama guru yang bertugas di salah sebuah sekolah menengah yang terletak di Limbang, Sarawak dan menginterpretasi jawapan temubual tersebut berdasarkan kaedah hermeneutik bagi mengenalpasti kaedah atau cara terbaik bagi mengatasi masalah disiplin murid hilang hormat terhadap guru serta hukuman yang akan dikenakan kepada para murid yang menunjukkan kelakuan kurang sopan terhadap guru. Tambahan lagi, dapatan kajian ini juga membincangkan tentang punca berlakunya masalah murid hilang rasa hormat terhadap guru berdasarkan temubual yang dijalankan bersama guru tersebut.

4.1.1. Punca Berlakunya Masalah Murid Hilang Rasa Hormat Terhadap Guru

Pengkaji telah menemu bual seorang guru yang bertugas di salah sebuah sekolah menengah yang terletak di Limbang, Sarawak untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan punca berlakunya masalah disiplin murid hilang rasa hormat terhadap guru. Guru tersebut dijadikan sebagai informan

untuk membantu pengkaji menyiapkan temu bual ini. Respon daripada informen adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2. Analisis Punca Berlakunya Masalah Murid Hilang Rasa Hormat Terhadap Guru

Bil.	ISU	INFORMAN	RUMUSAN
1	Pada pendapat cikgu, apakah punca murid-murid berkelakuan tidak bermoral seperti yang dinyatakan oleh cikgu sebentar tadi?	Antara puncanya adalah, Tiada pemantauan Berterusan dari guru Sepanjang proses pdpr berlaku disebabkan proses Pembelajaran ketika itu Dilakukan secara dalam talian. Selain itu, ianya Terpulang bagaimana didikan ibu bapa di rumah kerana kebanyakan masa Pdpr dilakukan di rumah ekoran daripada pandemik covid-19. Tambahan lagi, mungkin disebabkan oleh sikap murid yang terbawa-bawa oleh rakan sebaya serta apa yang mereka lihat di media.	Terdapat beberapa punca murid berkelakuan tidak bermoral, antaranya adalah disebabkan tiada pemantauan berterusan dari guru sepanjang proses Pdpr berlaku dan disebabkan oleh sikap murid itu sendiri yang terbawa-bawa oleh rakan sebaya serta apa yang mereka lihat di media.

Jadual 2 menunjukkan informan menyatakan beberapa punca yang menjurus kepada perlakuan murid yang tidak menghormati guru. Merujuk kepada hasil temubual yang dijalankan bersama dengan salah seorang guru yang bertugas di sebuah sekolah menengah yang terletak di Limbang Sarawak, informen menyatakan bahawa antara punca murid berkelakuan tidak bermoral adalah disebabkan tiada pemantauan berterusan dari guru sepanjang proses pdpr berlaku disebabkan proses pembelajaran ketika itu dilakukan secara dalam talian.

4.1.2. Penyelesaian Masalah Terhadap Isu Murid Hilang Rasa Hormat Terhadap Guru

Pada Jadual 3, pengkaji telah menemu bual seorang guru yang bertugas di salah sebuah sekolah menengah yang terletak di Limbang, Sarawak untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan penyelesaian masalah terhadap isu murid hilang rasa hormat terhadap guru. Guru tersebut dijadikan sebagai informan untuk membantu pengkaji menyiapkan temu bual ini. Respon daripada informen adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3. Analisis Penyelesaian Masalah Terhadap Isu Murid Hilang Rasa Hormat Terhadap Guru

Bil.	ISU	INFORMAN	RUMUSAN
1	Dari segi pengalaman cikgu selama mengajar di sekolah ini, bagaimanakah cara yang berkesan untuk guru dihormati oleh muridnya?	Menurut cikgu, untuk menjadikan murid menghormati guru, guru seharusnya terlebih dahulu menunjukkan rasa hormat terhadap murid itu sendiri. Selain itu, guru juga boleh melakukan pelbagai aktiviti bersama murid agar murid merasa lebih dihargai.	Antara cara yang berkesan yang boleh dilakukan oleh guru agar dihormati oleh muridnya adalah guru terlebih dahulu menunjukkan rasa hormat terhadap murid itu sendiri dan melakukan pelbagai aktiviti bersama murid.

Jadual 3 menunjukkan informan menerangkan solusi atau penyelesaian terhadap masalah murid hilang rasa hormat terhadap guru. Merujuk kepada hasil temubual yang dijalankan bersama dengan salah seorang guru yang bertugas di sebuah sekolah menengah yang terletak di Limbang Sarawak, informen menyatakan bahawa antara cara berkesan yang boleh dilakukan oleh guru agar dihormati

oleh muridnya adalah guru terlebih dahulu menunjukkan rasa hormat terhadap murid itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, sekiranya kita ingin dihormati oleh orang lain kita seharusnya belajar untuk menghormati orang lain juga. Seorang guru seharusnya menjaga tatasusila dan nilai sebagai seseorang yang memiliki kehormatan yang tinggi dan mulia bukan sahaja dari pandangan muridnya malah juga masyarakat di sekeliling. Oleh yang demikian, kaedah ini boleh diaplikasikan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar murid lebih terdorong untuk menghormati guru. Seterusnya, kaedah lain yang dinyatakan oleh responden sebagai solusi agar murid lebih menghormati guru ketika berada di dalam kelas adalah dengan melakukan pelbagai aktiviti bersama murid. Contohnya, melakukan aktiviti kemasyarakatan. Hal ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara guru dengan murid dan keadaan ini juga menjadikan murid berasa lebih dihargai oleh guru. Dengan wujudnya perasaan rasa dihargai dalam diri murid, secara langsung dapat menjurus ke arah sikap menghormati murid terhadap guru.

4.1.3. Hukuman Terhadap Murid Yang Tidak Menghormati Guru

Pada Jadual 4, Pengkaji telah menemu bual seorang guru yang bertugas di salah sebuah sekolah menengah yang terletak di Limbang, Sarawak untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan hukuman yang dikenakan terhadap murid yang tidak menghormati guru. Guru tersebut dijadikan sebagai informan untuk membantu pengkaji menyiapkan temu bual ini. Respon daripada informen adalah Jadual 4.

Jadual 4. Analisis Hukuman Terhadap Murid Yang Tidak Menghormati Guru

Bil.	ISU	INFORMAN	RUMUSAN
1	Nyatakan hukuman atau tindakan yang dikenakan sekiranya murid tidak menunjukkan rasa hormat terhadap guru.	Sebagai seorang guru, kita seharusnya memberikan teguran kepada murid tersebut terlebih dahulu. Sekiranya murid tersebut tetap melakukan kesalahan yang sama hukuman boleh dikenakan. Hukuman yang dikenakan seharusnya bersifat mendidik dan bukannya berbentuk kekerasan. Selain itu, sekiranya murid melakukan perbuatan yang boleh membahayakan nyawa guru itu sendiri maka hukuman berat seperti buang sekolah atau menyerahkan mereka kepada pihak polis boleh dilakukan.	Antara hukuman yang boleh dikenakan kepada murid yang melakukan kesalahan tidak menghormati guru adalah memberikan hukuman yang berbentuk mendidik dan bukannya hukuman berbentuk kekerasan. Contohnya, membawa murid-murid untuk melakukan kerja amal atau melakukan kativiti-aktiviti kemasyarakatan.

Jadual 4 menunjukkan informen menerangkan hukuman terhadap murid yang tidak menghormati guru. Pengertian hukuman (punishment) ialah tindakan pendidikan terhadap anak didik kerana melakukan sesuatu kesalahan dan hukuman dikenakan agar seseorang itu tidak mengulangi kesalahannya lagi. Merujuk kepada hasil temubual yang dijalankan bersama salah seorang guru yang bertugas di sebuah sekolah menengah di Limbang, Sarawak, hukuman yang perlu dikenakan terhadap murid yang tidak menghormati guru adalah hukuman yang berbentuk mendidik dan bukannya hukuman yang berbentuk kekerasan. Pelaksanaan hukuman berbentuk fizikal sewajarnya menjadi pilihan hukuman yang terakhir digunakan oleh para pendidik untuk mendidik murid-murid. Hal ini dikatakan demikian kerana, hukuman yang berbentuk kekerasan hanya akan mendorong murid untuk mempunyai sikap memberontak dan keadaan ini hanya akan menjurus kepada masalah disiplin yang lebih serius. Pemilihan bentuk hukuman yang bersifat mendidik seperti membawa murid-murid untuk melakukan kerja amal atau melakukan kativiti-aktiviti kemasyarakatan secara tidak langsung dapat menerbitkan keinsafan kepada murid-murid agar tidak mengulangi kesalahan yang sama. Namun demikian, sekiranya murid melakukan perbuatan yang boleh membahayakan nyawa guru itu sendiri

maka hukuman berat seperti buang sekolah atau menyerahkan mereka kepada pihak polis boleh dilakukan.

4.2. Perbincangan Kajian

Hormat secara umumnya membawa maksud tidak bersikap kurang ajar dengan seseorang individu yang lain tidak mengira umur, kaum atau bangsa. Menurut Kamus Dewan dan Bahasa, hormat boleh didefinisikan sebagai mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dan menunjukkan tingkah laku yang sopan, khidmat dan takzim. Murid-murid haruslah mempunyai perasaan hormat yang tinggi terutama kepada individu yang menyampaikan ilmu kepada mereka iaitu guru mereka agar ilmu yang dimuridi diberkati dan mudah difahami.

Namun sesetengah murid memandang enteng perkara ini dan tidak menghormati guru mereka menyebabkan guru sedih dan tidak gembira apabila murid bersikap kurang ajar terutama ketika sesi pembelajaran. Sebagai contoh, apabila para murid tidak fokus dan melakukan perkara lain semasa guru memberikan penerangan semasa sesi pembelajaran. Hal ini boleh mengakibatkan murid lain juga terganggu dan suasana kelas akan berubah akibat sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab itu. Hubungan murid dengan guru tersebut juga terganggu jika murid tidak mengamalkan sikap menghormati terhadap pendidik mereka. Selain murid, guru juga perlulah menunjukkan sikap yang lebih matang daripada anak didiknya dengan juga menghormati mereka dan mengelakkan sikap pilih kasih semasa sesi pembelajaran yang boleh mengakibatkan murid hilang rasa hormat terhadap guru.

Kajian juga banyak menunjukkan bahawa masalah tingkah laku tidak menghormati guru merupakan tanda-tanda awal untuk murid terlibat dengan masalah lain. Sekiranya murid tidak menghormati individu yang memberi tunjuk ajar kepada mereka, tidak mustahil mereka tidak melakukan perkara yang sama kepada individu-individu lain. Secara tidak langsung, permasalahan yang kecil ini boleh membawa kepada perkara yang lebih besar dan buruk seperti membuli murid lain dan memeras ugut murid malah guru dan orang lain.

Terdapat beberapa faktor berlakunya masalah murid hilang rasa hormat terhadap guru. Antaranya ialah:

1. Tiada pemantauan semasa sesi pembelajaran.
Masalah murid hilang rasa hormat terhadap guru ini berlaku kerana tiada pemantauan terus yang boleh dilakukan kepada murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini disebabkan oleh, sesetengah sekolah masih menjalani pembelajaran di atas talian dan ia menyukarkan guru untuk menegur sikap murid yang bermasalah semasa sesi pembelajaran. Misalnya, apabila murid melakukan perkara lain semasa guru sedang memberi penerangan namun guru tidak dapat menegur kerana tidak dapat melihat secara fizikal. Guru juga tidak dapat mengenakan apa-apa tindakan kepada murid tersebut sekiranya murid mengulangi sikap tersebut. Pemantauan terus semasa sesi pembelajaran ini amat penting supaya sikap negatif seperti tidak menghormati guru itu dapat dibendung sebelum menjadi lebih teruk. Kurang pemantauan dari guru secara terus ini juga menyebabkan murid masih meneruskan sikap tidak menghormati guru kerana murid yakin bahawa guru tidak dapat berlaku apa-apa kepada mereka.
2. Didikan ibu bapa di rumah
Selain itu, didikan ibu bapa di rumah juga memainkan peranan yang penting dalam mendidik perasaan hormat dalam diri murid. Hal ini disebabkan oleh, murid lebih cepat mencontohi dan mengaplikasikan perkara yang dilihat di depan matanya berbanding perkara yang didengarnya. Sekiranya ibu bapa menunjukkan sikap yang tidak baik dan tidak menghormati orang lain, maka anaknya akan lebih mudah terpengaruh. Hal ini kerana ibu bapa merupakan guru pertama dalam hidup anak-anak. Ibu bapa yang tidak bertegas dengan anak-anak semasa sesi pembelajaran juga boleh mengakibatkan anak-anak tidak menghormati guru dan sesi pembelajaran tersebut. Misalnya, anak-anak tidak memberi respon kepada panggilan guru namun dibiarkan oleh ibu bapa, maka kejadian tersebut akan kembali berulang yang turut mengakibatkan anak-anak semakin hilang rasa hormat terhadap gurunya. Ibu bapa juga tidak memberikan teladan yang baik seperti meninggikan suara kepada orang lain juga boleh menyebabkan anak-anak bersikap kurang ajar kepada guru dan juga orang lain.
3. Pengaruh rakan sebaya
Pemilihan rakan amatlah penting bagi memastikan individu tidak terpengaruh dengan perkara yang tidak baik dari orang lain. Hal ini kerana, pengaruh rakan sebaya juga merupakan salah satu faktor dalam masalah tingkah laku murid ini. Rakan merupakan orang yang sering

bersama dengan murid-murid selain ibu bapa mereka. Sekiranya murid sering bergaul dengan murid yang bermasalah, maka mereka akan lebih cenderung untuk melakukan perkara yang sama. Sebagai contoh, sekiranya murid bergaul dengan murid yang sering tidak menyiapkan tugas dan melawan kata-kata guru, kelama-lamaan perangai tersebut akan dilakukan oleh mereka terutama kepada guru yang tidak mengenakan sebarang tindakan. Murid-murid juga kurang berani untuk melakukan kesalahan berseorangan jadi mereka akan mengajak lebih ramai kawan-kawan mereka untuk menyokong perbuatan mereka. Namun, jika murid bergaul dengan rakan yang selalu membantu guru dan menghormati guru, maka mereka akan mengambil sikap yang positif tersebut dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian mereka. Perkara ini selaras dengan rakan-rakan merupakan cerminan bagi seorang individu. Jadi pemilihan rakan yang salah amatlah mempengaruhi perangai murid dan sikapnya terhadap orang lain.

4. Pengaruh media sosial

Murid tidak menghormati guru boleh dikatakan juga berpunca dari pengaruh media sosial yang sering ditonton oleh para murid ini. Seperti yang diketahui umum, banyak cerita, lagu dan filem-filem ganas yang ditayangkan di televisyen dan ditonton oleh kanak-kanak bawah umur tanpa pengawasan orang dewasa. Murid-murid terutama murid sekolah rendah yang masih kecil amat mudah terpengaruh dengan perkara yang dilihatnya terutama di televisyen. Jadi individu dewasa di sekelilingnya haruslah memainkan peranan mereka dalam mengawal penggunaan alatan gajet. Hal ini boleh menyebabkan mereka terpengaruh dan meniru kelakuan tersebut. Sebagai contoh, filem “Juvana” yang ditayangkan di TV3 merupakan filem yang memerlukan pengawasan orang dewasa kerana terdapat banyak aksi yang ganas dan filem tersebut mempunyai adegan guru dan murid. Berkemungkinan besar murid akan meniru aksi-aksi seperti di dalam filem tersebut dan melakukannya di sekolah. Misalnya, meninggikan suara kepada guru mereka jika kemahuan mereka ditolak dan ditentang oleh guru mereka semasa aktiviti pembelajaran. Percakapan mereka juga boleh dipengaruhi oleh media sosial yang semakin menjadi-jadi pada zaman kini menyebabkan para murid berkata kesat dan kasar.

5. Inginkan perhatian

Masalah ini juga sering terjadi kerana murid-murid inginkan perhatian daripada guru-guru mereka. Misalnya murid yang kurang dalam pembelajaran akan mencari perhatian guru mereka dengan melakukan kesalahan. Perkara ini sering terjadi kerana sesetengah guru kini banyak mengamalkan sikap pilih kasih terhadap layanan murid di kelas hadapan dan kelas belakang berdasarkan pencapaian akademik mereka. Murid yang cemerlang dalam akademik akan sentiasa dipuji dan diberikan hadiah namun layanan sebaliknya terhadap murid yang lemah dalam akademik. Mereka sering dimarahi, tidak diambil berat dan terkadang dihina oleh guru mereka sendiri. Maka, dengan melakukan kesalahan seperti tidak menghormati guru mereka, guru akan lebih menegur dan berkomunikasi dengan mereka. Mereka juga memerlukan perhatian yang sama rata tidak kira bijak atau kurang dalam akademik. Sekiranya kaedah pembelajaran yang digunakan oleh guru juga tidak menarik minat murid, maka mereka akan melakukan sesuatu untuk mengatasi rasa bosan mereka dengan tidak mengendahkan guru dihadapan lalu melakukan aktiviti lain seperti tidur dan bersembang dengan rakan kelas.

Seorang guru mempunyai darjat tinggi disisi Islam sebab guru memberi ilmu. Mendidik daripada tidak tahu membaca kepada pandai membaca. Mengajar daripada tidak tahu mengira kepada pandai mengira. Membimbing daripada tidak tahu agama kepada tahu ilmu ketuhanan. Membimbing daripada orang yang tidak tahu akhlak kepada orang yang tahu akhlak dan disiplin hidup. Mendidik daripada hidup miskin kepada menjadi orang yang berjaya mengubah kemiskinan hidup. Tugas guru ialah mengajar di sekolah. Guru mendidik murid supaya menjadi insan yang berguna kepada bangsa dan negara. Guru juga ibarat ibu bapa kedua kepada murid kerana murid banyak menghabiskan masa di sekolah. Oleh itu, sebagai murid kita sewajarnya menghargai guru. Antara matlamat pendidikan ialah untuk mendidik murid supaya memilih dan mengamalkan tingkah laku yang baik. Malangnya hari ini kita berhadapan dengan tingkah laku murid yang cukup negatif seperti tingkah laku kurang sopan seperti tidak menghormati golongan sepatutnya di sekolah dan dalam masyarakat. Kenapa perkara ini berlaku? Antaranya mungkin kerana kita gagal membina konsep fitrah atau tabii murid menjadi biadap sehingga mereka memilih tingkah laku negatif dan tidak normal. Jika dibiarkan,

tingkah laku ini akan berkekalan dari alam murid dan persekolahan hinggalah ke alam dewasa dan kehidupan. Terdapat banyak langkah untuk menghargai guru kita.

Beberapa langkah bagi memastikan guru mendapat penghormatan yang selayaknya daripada murid supaya tidak hilang rasa hormat dalam diri murid. Antaranya ialah:

1. Guru juga harus memberikan penghormatan yang sewajarnya kepada murid.
Langkah yang pertama adalah melalui pendidik atau guru itu sendiri yang menunjukkan atau mengamalkan nilai dan rasa hormat-menghormati. Sudah tentu kita tentu pernah mendengar kenyataan bahawa kecemerlangan seseorang guru tidak terbatas pada kebolehan mereka melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sahaja, tetapi turut diukur juga pada kualiti peribadinya yang tinggi kerana guru diharapkan mempamerkan peribadi contoh kepada muridnya. Oleh itu, ketinggian kualiti peribadi guru juga boleh menjadi pemangkin kecemerlangan sesebuah sekolah melalui usaha mereka menyediakan murid sebagai modal insan kelas pertama masa depan. Pembinaan modal insan adalah tunjang utama kepada kejayaan bangsa dan negara. Hal ini demikian kerana dalam membentuk modal insan kelas pertama, proses tersebut akan merangumi satu indikator membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan. Seperti yang dinyatakan oleh cikgu Mariam, salah satu langkahnya adalah guru itu sendiri perlulah menghormati orang lain juga lebih-lebih lagi murid ataupun anak murid. Tidak semestinya kehidupan di dunia ini perlu mengamalkan konsep yang tua perlu dihormati, malah kita juga mementingkan aspek yang tua menyayangi yang muda. Menyayangi disini juga membawa maksud hormat kepada mereka.
2. Murid haruslah mematuhi peraturan yang ditetapkan supaya dapat mendisiplinkan diri.
Langkah yang kedua adalah dengan pendidik ataupun guru menerapkan rasa hormat kepada murid melalui tindakan yang sewajarnya dengan cara mematuhi peraturan. Guru-guru seharusnya dihormati oleh para murid dengan cara mematuhi peraturan sekolah. Hal ini demikian kerana murid pada masa kini sukar untuk mematuhi arahan dan peraturan yang mudah seperti beratur dan tidak membuat bising. Keadaan ini merupakan satu beban yang telah ditambah ke bahu para guru untuk menguruskan sahsiah murid. Justeru, sekiranya para murid mematuhi peraturan sekolah dan arahan guru ia dapat membantu memudahkan urusan guru terbabit. Seperti yang dikatakan oleh cikgu Mariam, pada pendapat beliau, beliau akan membuat tindakan secara lisan yang membawa erti yang sama dengan memberi teguran pada peringkat awal. Katanya lagi, kalau ada situasi yang memerlukan hukuman, hukuman itu perlulah berlandaskan kemasyarakatan ini kerana hukuman yang keras adalah sangat tidak dibenarkan. Peribahasa Melayu ada berkata, masuk telinga kanan keluar telinga kiri yang bermaksud nasihat yang diberi tidak didengari dan diamalkan. Sikap negatif ini perlu dielakkan terutamanya dalam kalangan murid kerana umur mereka baru setahun jagung berbanding guru-guru. Mereka juga boleh menghargai guru dengan cara berdisiplin semasa di sekolah. Disiplin sangat penting kerana boleh menjadikan mereka berjaya dalam muridan. Mereka perlu mematuhi peraturan sekolah. Sebagai contoh, mereka perlu datang awal ke sekolah dan tidak terlibat dalam gengsterisme, vandalisme, ponteng sekolah, melepak dan lain-lain.
3. Guru perlulah bersikap adil tanpa membeza-bezakan kepelbagaian budaya yang boleh menjadi benteng kepada rasa menghormati.
Langkah ketiga adalah pendidik ataupun guru haruslah mementingkan kepelbagaian budaya untuk difahami tanpa membanding-bandingkan budaya setiap murid. Kepelbagaian nilai hormat menghormati dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu, guru berusaha dalam usaha menangani masalah sosiobudaya. Sebagai seorang guru, adalah penting untuk mengetahui dan ambil peduli siapa sebenarnya murid-murid atau komuniti di dalam sesebuah kelas. Guru juga perlu meneliti akan pendekatan yang bersesuaian yang dibawa oleh setiap murid, bakat serta minat mereka ke dalam situasi pembelajaran. Sewajarnya guru perlu mengetahui bahawa setiap individu murid adalah berbeza dari aspek budaya, latar belakang keluarga, dan tahap sosioekonomi yang mana sedikit sebanyak memberi kesan kepada gaya dan corak pembelajaran mereka. Setelah guru mampu memahami serta mengenali setiap jenis murid didalam kelas, impaknya murid boleh mencapai kejayaan daripada hasil pembelajaran mereka di sekolah. Selain itu, wujud perasaan menerima dan layanan yang adil merupakan salah satu kesedaran bahawa sosiobudaya mampu membentuk satu kesepaduan dalam hidup bermasyarakat. Berdasarkan seperti apa yang dinyatakan oleh cikgu Mariam, disebabkan

terdapat pelbagai sosio budaya yang ada di negara ini, pihak sekolah boleh membuat banyak aktiviti seperti aktiviti kemasyarakatan, sambutan hari jadi dan sambutan hari guru. Hal ini demikian untuk menimbulkan rasa dihargai oleh para murid itu sendiri dan mereka dapat menyedari keberadaan mereka. Seperti yang dikatakan oleh cikgu Mariam, aktiviti seperti ini bukan sahaja dapat merapatkan hubungan antara guru dan murid malah dengan staf di sekolah juga.

Sejak Disember 2019, dunia telah menyaksikan pertumbuhan pesat penyakit pandemik baharu iaitu penyakit coronavirus (CoV) 2019 (COVID-19) (Morens et al., 2020). Seperti yang telah diketahui, Pandemik COVID 19 yang sedang melanda dunia ketika ini telah membawa banyak perubahan dari pelbagai aspek dalam kehidupan sekarang. Perkara yang paling ketara mengalami perubahan di negara kita ialah sistem pendidikan di negara kita. Proses pengajaran dan pembelajaran yang pada asalnya secara bersemuka kini telah berubah kepada secara atas talian melalui platform-platform tertentu seperti google meet, Webex dan Zoom. Perubahan ini telah membawa kepada banyak kekangan dalam dunia pendidikan. Begitu juga dengan sebuah sekolah di bahagian Limbang, Serawak. Salah satu fenomena yang berlaku sekarang ialah sikap murid terhadap guru iaitu murid yang kian hilang hormat terhadap guru mereka. Tingkah laku sedemikian telah membawa banyak impak negatif kepada pelbagai pihak amnya murid itu sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

1. Menjatuhkan maruah murid dan keluarganya

Antara kesan kepada tingkah laku murid hilang hormat kepada guru ialah menyebabkan jatuhnya maruah murid sekaligus maruah keluarganya. Tingkah laku murid yang paling ketara semasa musim pandemik ini terutamanya ketika kelas atas talian ialah tidak mengendahkan guru yang sedang mengajar. Kebanyakan murid tidak menjawab soalan-soalan yang dilontarkan oleh guru dan membiarkan guru begitu sahaja. Ada juga murid yang tidur semasa kelas atas talian dan ada juga yang langsung tidak menghadirkan diri. Tingkah laku seperti ini adalah sangat tidak sopan dan tidak menghormati guru-guru mereka. Tingkah laku murid yang sedemikian akan menyebabkan nama murid tersebut dicatat dan diberikan perhatian lebih oleh para guru sebaik sahaja dapat dikenalpasti. Tingkah laku yang lebih teruk seperti ponteng kelas berturutan tanpa sebab akan membawa kepada surat amaran dari pihak sekolah. Ibu bapa pula akan berasa malu atas tingkah laku anak mereka. Seperti yang kita tahu, kita sekarang hidup di zaman modenisasi. Tidak mengira betapa kecilnya sesuatu perkara pun dapat diketahui dalam sekelip mata disebabkan oleh media sosial. Oleh itu, tingkah laku murid-murid yang tidak menghormati guru sehingga menyebabkan ibu bapa dipanggil ke sekolah akan dengan mudah diketahui jiran tetangga mereka. Hal ini demikian bukan sahaja menjatuhkan maruah murid tersebut, malah menjatuhkan maruah keluarganya juga.

2. Pembentukan generasi tidak bermoral

Selain itu, tingkah laku murid sedemikian juga akan membawa kepada pembentukan generasi yang tidak bermoral. Tingkah laku mereka ini menunjukkan diri murid yang tidak mempunyai keupayaan untuk membezakan antara nilai dan kepercayaan yang perlu untuk interaksi sosial dan sivik yang berkesan dan bermakna. Tindakan mereka yang tidak menghormati guru semasa di bangku sekolah secara langsungnya akan membawa kepada lebih banyak masalah sosial. Hal ini demikian kerana kehidupan diri mereka yang mengutamakan atau bertunjangkan keseronokan duniawi sahaja sehingga tanpa sedar menjatuhkan mereka ke kancah pergaulan masalah sosial. Guru merupakan insan yang berkongsi ilmu pengetahuan kepada murid. Perkara paling asas di sekolah iaitu menghormati guru sudah tidak dapat mereka amalkan, berkemungkinan mereka akan membuat perkara yang lebih teruk tanpa ragu-ragu. Murid-murid yang tidak menghormati guru juga tidak akan mengendahkan nasihat dan pesanan guru. Perkara sedemikian akan membawa murid kepada vandalisme harta benda sekolah, ponteng sekolah, membuli, mencuri, merokok dan sebagainya. Kelakuan mereka ini turut akan menjejaskan masa depan mereka. Senario yang dapat dijangkakan ialah ketika di alam pekerjaan, generasi muda tersebut tidak menghormati majikan atau pihak atasan mereka. Secara tidak langsungnya juga akan membentuk sebuah masyarakat yang tidak bekerjasama dan tidak harmoni.

3. Imej negara terjejas

Akhir sekali ialah imej negara terjejas. Kesan ini mungkin dikatakan berlebihan namun hakikatnya tidak. Pembentukan masa depan negara adalah bergantung kepada generasi akan

datang. Dengan generasi sekarang yang tidak dapat menghormati guru mereka sendiri, bagaimana mereka dapat menguruskan masa depan negara kelak? Seperti yang dijelaskan pada kesan sebelum ini, jika perkara paling asas di sekolah iaitu menghormati guru sudah tidak dapat diamalkan, berkemungkinan juga tidak dapat menghormati majikan mereka sendiri atau pihak atasan semasa menjejak langkah ke alam pekerjaan. Mempunyai generasi yang tidak mempunyai nilai moral sudah tentu akan menyebabkan negara-negara lain memandang enteng negara kita. Pelabur-pelabur asing turut hilang kepercayaan terhadap negara kita sehingga mengakibatkan ekonomi negara terjejas. Bukan dari aspek itu sahaja, pada zaman modenisasi ini, tingkah laku murid di sekolah mudah direkod dan disebarkan dalam dunia teknologi sekarang. Isu-isu yang teruk seperti sikap murid yang tidak menghormati guru berkemungkinan akan dijadikan berita hangat sehingga tersebar ke luar negara. Akibatnya, maruah negara terjejas.

5. Rumusan

Secara umumnya, adalah tidak dinafikan bahawa masalah gejala sosial dalam kalangan anak muda di negara kita kian meruncing. Hal ini dikatakan demikian kerana, sejak akhir-akhir ini masalah disiplin membabitkan murid sekolah yang tidak menghormati guru sering diperkatakan dan isu ini juga merupakan antara isu yang sering dibahaskan pada saban tahun. Dewasa ini, boleh dikatakan bahawa ramai murid yang kurang menghormati guru-guru di sekolah dan fenomena ini berlaku merangkumi murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Menurut kajian, jika dibandingkan keadaan pada masa dahulu dengan keadaan pada masa sekarang, murid pada masa dahulu lebih mempunyai nilai hormat yang tinggi terhadap guru berbanding dengan murid pada masa sekarang.

Nilai hormat merupakan salah satu nilai murni yang harus ada dalam diri seseorang yang bergelar murid kerana nilai tersebut mencerminkan keunggulan kepribadian sahsiah seorang murid. Apabila hilangnya nilai hormat dalam diri seseorang murid maka mereka cenderung untuk menonjolkan perlakuan-perlakuan negatif yang bertentangan dengan nilai-nilai moral seorang murid. Oleh yang demikian, tidak hairanlah kedudukan guru semakin goyah dalam kalangan masyarakat pada masa kini disebabkan perlakuan murid itu sendiri yang tidak menghormati guru sebagai seseorang yang memberikan ilmu pengetahuan. Justeru cadangan-cadangan untuk mengubah perlakuan-perlakuan negatif itu adalah perlu bagi membentuk para murid agar mempunyai sahsiah dan ketrampilan diri yang mantap terhadap tenaga pengajar.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengubah sikap dan nilai negatif tersebut kepada pembentukan sikap dan nilai yang positif. Hal ini dikatakan demikian kerana, ibu bapa merupakan contoh terdekat kepada para murid. Ibu bapa merupakan cermin kepada para murid untuk mencontohi nilai hormat menghormati kerana ibu bapa merupakan guru pertama bagi seseorang murid. Oleh itu, ibu bapa haruslah menerapkan nilai-nilai murni seperti hormat - menghormati di dalam diri anak-anak agar mereka boleh mempraktikkan nilai tersebut di dalam kehidupan mereka sehari-harian. Pendidikan ibu bapa yang demokratik adalah pendekatan yang paling sesuai dewasa ini. Salah satu pendekatan yang ditekankan dalam konsep ini adalah nilai hormat-menghormati di antara ibu bapa dan kalangan anak remaja.

Selain itu, murid juga turut terlibat dalam memainkan peranan penting bagi membendung masalah kehilangan rasa hormat murid terhadap guru. Hal ini dikatakan demikian kerana, punca utama berlakunya gejala ini adalah disebabkan oleh sikap para murid itu sendiri. Oleh yang demikian, bagi membendung masalah ini murid hendaklah menganggap guru-guru di sekolah sebagai ibu bapa kedua mereka. Dengan itu, para murid akan lebih menghormati para guru di sekolah sebagaimana mereka menghormati ibu bapa mereka di rumah. Justeru itu, mereka hendaklah menjaga adab semasa berada di dalam kelas seperti tidak membuat bising ketika guru mengajar atau tidak mengeluarkan kata-kata kesat yang boleh melukakan hati guru-guru serta mempamerkan tingkah laku yang baik. Tambahan lagi lagi, para murid seharusnya membuang sikap negatif yang beranggapan bahawa kejayaan mereka di dalam muridan adalah di atas usaha mereka semata-mata. Persepsi negatif seperti ini mengundang wujudnya perasaan sombong di dalam diri murid yang seterusnya menyebabkan mereka memandang rendah akan kebolehan guru-guru.

Oleh itu, nilai hormat murid terhadap pendidik amatlah ditekankan kerana para guru telah melakukan banyak pengorbanan dari segi fizikal dan mental semata-mata ingin memastikan anak-anak murid mereka menjadi seorang insan yang berguna. Mereka bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan tanggungjawab akademik semata-mata tetapi terpaksa juga menghadapi masalah sampingan yang membabitkan murid. Oleh yang demikian masalah murid hilang hormat terhadap guru tidak

seharusnya dipandang enteng kerana sekiranya gejala ini tidak dibendung dengan baik maka akan lahirnya lebih ramai murid yang mempunyai masalah disiplin yang membabitkan perlakuan negatif terhadap guru.

Kesimpulannya, semua pihak haruslah memainkan peranan serta bertanggungjawab untuk menangani isu berkaitan dengan masalah murid hilang hormat terhadap guru agar negara mampu melahirkan graduan-graduan yang bukan sahaja cemerlang dari aspek intelektual tetapi turut cemerlang dari segi aspek sahsiah dan keunggulan diri. Bak kata ulama, orang yang tidak berilmu tetapi beradab lebih baik berbanding orang berilmu tetapi tidak mempunyai adab. Justeru itu diharapkan hasil kajian ini dapat sedikit sebanyak membantu dalam menambahkan lagi pengetahuan berkaitan dengan isu masalah murid hilang hormat terhadap guru

Rujukan

- [1] A. Puteh, M. K. H. Othman, M. Z. M. Yusoff, and N. Roslan. (2017). Permasalahan dan Cabaran Guru dalam Membentuk Nilai Pelajar di Sekolah Menengah. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Journal KUIS, vol. 2, no. special issue, pp. 1-10., 2017.
- [2] A. H. A. Latif, M. H. M. Yasin, and M. M. Tahar. Modifikasi Masalah Tingkah Laku Mengganggu di Dalam Bilik Darjah Menggunakan Intervensi "The Good Behavior Game" in Seminar Modifikasi Tingkah Laku Murid Pendidikan Khas (Bermasalah Pembelajaran) Peringkat Negeri Johor, JPN Negeri Johor, 2016.
- [3] F. Mahadi, M. R. Husin, and N. Md Hassan, "Gaya Pembelajaran: Visual, Auditori atau Kinestetik", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 4, no. 1, pp. 29-36, Apr. 2022.
- [4] N. Abdul Rahim, N. A. Meor Fadzir, N. A. H. Zaimal, F. F. Arias Yahaya, Z. I. Zainol, and M. R. Husin, "Implikasi Gaya Pembelajaran Koperatif Subjek Sains Bagi Murid Tahap Dua di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Rawang", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 57-66, Aug. 2021.
- [5] P. Eggen and D. Kauchak. *Strategic and Models or Teachers: Teaching Content and Thinking Skills*. Jakarta: Gramedia, 2016.
- [6] N. H. Hadi, "Pelajar Introvert di Sekolah", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 1, no. 1, pp. 1-14, Dec. 2019.
- [7] N. Md Hassan, "Perspektif Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Pelajar", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 50-56, Aug. 2021.
- [8] S. N. Mail and L. F. Md Ibharim, "Pengaruh Sikap Terhadap Pelajar di UPSI Apabila Menggunakan Aplikasi Permainan Atas Talian", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 2, no. 3, pp. 82-87, Dec. 2020.
- [9] P. Perumal, M. R. Husin, and S. Nachiappan, "Analisis Gaya Kognisi dan Afeksi Murid dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 4, no. 1, pp. 22-28, Apr. 2022.
- [10] R. A. K. Mohamed, A. H. Ali, and M. Nasir, "Aplikasi Ranah Kognitif Anderson & Krahthwohl dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pantun di Sekolah Dasar", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 3, pp. 110-118, Dec. 2021.
- [11] N. F. Mat Daud, N. A. S. Mat Yusoff, N. H. Mohd Azmi, S. Z. K. Mohd Asri, N. Z. Manisha Zaidi, and M. R. Husin, "Kerja Sambilan Mempengaruhi Ketidakhadiran Pelajar Tingkatan 3", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 67-79, Aug. 2021.
- [12] N. I. Mat Isa, "Gejala Membuli dalam Kalangan Pelajar Sekolah", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 2, no. 1, pp. 22-33, Apr. 2020.
- [13] N. S. Hanim, "Pelajar Berkecerdasan Tinggi dalam Kalangan Pelajar Kelas Rancangan Khas", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 1, pp. 1 - 13, Jun. 2019.
- [14] J. J. E. Ang. *Pengurusan Disiplin Murid (Edisi kedua)*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd, 2013.
- [15] M. Farhan, "Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 3, no. 1, pp. 1-10, Jun. 2020.
- [16] D. B. Brinkerhoff and L. K. White, *Sociology*. US: West Publishing Company, 1985
- [17] Puan Mariam binti Untong, in a personal interview, explained "Rasa hormat terhadap guru", May 2022.